

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**DIPLOMA
KUMPULAN
PELAKSANA**



**PENOLONG PEGAWAI
TANAH GRED NT29**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERLIS**

Kekosongan : 2

Simpanan : 4

1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) sijil dalam bidang ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) diploma dalam bidang ukur tanah, perancangan bandar dan wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Keperluan Bidang/Anak Negeri Dan Lokaliti (Ditetapkan oleh Jabatan):

- (a) Keperluan bidang:
 - (i) Kejuruteraan Geomatik;
 - (ii) Kejuruteraan Ukur Tanah;
 - (iii) Pentadbiran dan Pembangunan Tanah;
 - (iv) Sains Geomatik;
 - (v) Sains Geomatik (Sistem Maklumat Geografi);
 - (vi) Sains Ukur dan Geomatik; atau
 - (vii) Ukur Tanah/ Sains Ukur Tanah/ Geomatik.
- (b) Calon hendaklah merupakan Anak Negeri Perlis atau bermastautin di Perlis.

4. Keperluan Tambahan:

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan sijil/ diploma yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

5. Maklumat Syarat Lantikan:

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-tanah-gred-nt29>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **11 April 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM